

Hapus kuasa

B.H 13 JUN 1992

Daripada Mior Kamarul Shahid

RIO DE JANEIRO, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan supaya kuasa pembatal yang diberi kepada lima kuasa besar dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dihapuskan.

"Saya tidak nampak alasan yang digunakan akibat kesan Perang Dunia Kedua terus menerus mempengaruhi kita," katanya dalam wawancara khas dengan Inter Press Service News Agency (IPS) yang menerbitkan risalah *Terra Viva*, di sini hari ini. Risalah itu diterbitkan sempena persidangan alam sekitar sekarang.

Katanya, ketika kuasa itu diberi selepas perang, ia mempunyai alasan yang boleh diterima tetapi selepas setengah abad, ia tidak boleh diterima lagi.

Lima negara yang menikmati keistimewaan itu ialah Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Russia (dulu Soviet Union) dan China.

Dr Mahathir berkata, adalah menjadi tugas Majlis Keselamatan PBB memperbetulkan semula strukturnya supaya kuasa yang ada turut diberi kepada negara yang tidak begitu kuat, termasuk negara Dunia Ketiga.

Mengenai kedudukan China, Dr Mahathir menjawab, negara itu kini memberi tumpuan kepada soal pembangunan ekonomi dan tidak lagi kepada soal meluaskan jajahan.

Mengenai Asean, beliau berkata kumpulan itu mengalu-alukan negara di rantau Asia Tenggara menyertainya tetapi sehingga kini belum ada permohonan.

Dr Mahathir tiba di sini awal pagi ini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Bumi atau Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar

dan Pembangunan (Unced). Beliau akan menyampaikan ucapannya esok.

Presiden George Bush, dari Amerika Syarikat yang tiba di sini malam ini, juga akan berucap esok.

Setibanya di sini, Dr Mahathir terus diberi taklimat mengenai perkembangan sepanjang Sidang Kemuncak Bumi oleh perwakilan Malaysia.

Mengenai pencemaran, Dr Mahathir berkata bilangan penduduk yang berlebihan di negara maju adalah satu daripada faktor pencemaran yang terpaksa dihadapi dunia-sekarang.

"Disebabkan negara maju mempunyai bilangan penduduk yang ramai, mereka terpaksa memerlukan makanan yang banyak berbanding negara miskin. Oleh itu, mereka terpaksa mengeluarkan sisa yang banyak," katanya.

Perdana Menteri berkata, meskipun penduduk dunia yang kaya hanya 25 peratus, negara mereka mengeluarkan 85 peratus sisa buangan.

Bagaimanapun, daripada 75 peratus penduduk yang miskin, negara mereka hanya mengeluarkan 10 peratus sisa yang boleh menyebabkan pencemaran.

"Jika negara maju dapat mengurangkan kadar buangan dan sisanya sebanyak 25 peratus, ia sudah memadai," katanya.

Dalam hubungan inilah, katanya, Malaysia tidak akan menandatangani Konvensyen Perubahan Iklim disebabkan keengganan negara Utara menetapkan sebarang jangka waktu dan kadar tertentu untuk mengurangkan gas rumah hijau pada satu tahap tertentu. Malaysia hanya menandatangani apabila peruntukan mengenainya di-

LIHAT MUKA 2

VETO: DR M

Mahathir perjelas negara meterai perjanjian

DARI MUKA 1

kaji semula.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata Malaysia akan menandatangani Konvensyen Biodiversiti kerana ia memenuhi sekurang-kurangnya beberapa kepentingan negara, termasuk perkongsian bersama kekayaan di negara Dunia Ketiga.

Dr Mahathir menjelaskan, di negara yang mempunyai bilangan penduduk berlebihan, secara langsung menyebabkan penggunaan sumber berlebihan. Penggunaan berlebihan ini apabila digandakan dengan bilangan penduduk berlebihan, menyebabkan punca pencemaran yang teruk.

"Sebagaimana kita tahu, buangan sisa disebabkan penggunaan sumber yang berlebihan," katanya.

Oleh itu, katanya, adalah wajar negara maju mengawal pertumbuhan penduduknya. Ini boleh mengurangkan kadar kemiskinan.

"Tetapi, jika negara kaya cuba menghalang negara miskin menjadi kaya, negara kaya perlu menyalahkan diri sendiri kerana menjadi punca negara miskin menjadi terus miskin," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam dunia unipolar sekarang, kuasa dunia tidak seharusnya mengambil berat soal rakyat mereka saja.

"Kini, timbul keraguan di kalangan penduduk Selatan kerana keputusan yang dibuat kuasa besar hanya mengambil kepentingan penduduknya dan tidak seluruh penduduk dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata, keadaan ini menyebabkan negara berkenaan mengamalkan pilih kasih dalam menentukan kesejahteraan dunia.